



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

KHAMIS, 22 JUN 2023

LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:

World Communications



UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



www.kpwkm.gov.my

kpwkm

22/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	TELEFON BIMBIT EBIT ADA SEJARAH LAYARI LAMAN WEB LUCAH – SAKSI	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/telefon-bimbit-ebit-ada-sejarah-layari-laman-web-lucah-saksi/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.thesundaily.my/cerita/berita/terdapat-sejarah-layari-laman-sesawang-lucah-dalam-telefon-bimbit-dianalisis-polis-GC11135201	THESUNDAILY.MY
	https://mykmu.net/2023/06/21/tangkap-layar-perbualan-ebit-pengadu-didedah-di-mahkamah/	MUKMU.NET
	https://wartaoriental.com/2023/06/21/tangkap-layar-perbualan-ebit-lew-pengadu-didedahkan-di-mahkamah/	WARTAORIENTAL.COM
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/tangkap-layar-perbualan-ebit-lew-pengadu-didedahkan-di-mahkamah/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/264656/berita/semasa/tangkap-layar-perbualan-ebit-pengadu-didedahkan	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
2	BAYI LELAKI BAHARU LAHIR DITEMUKAN DI TEPI JALAN DI KAJANG	
	https://malysiagazette.com/2023/06/21/bayi-lelaki-baharu-lahir-ditemukan-di-tepi-jalan-di-kajang/	MALYSIAGAZETTE.COM
	https://www.malysiakini.com/news/669383	MALYSIAKINI.COM
	https://selangorkini.my/2023/06/bayi-lelaki-baharu-lahir-ditemukan-tepi-jalan-di-kajang/	SELANGORKINI.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	DUA LELAKI DIBERKAS TAK SAMPAI SEJAM SELEPAS SAMUN WANITA	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/06/1117075/dua-lelaki-diberkas-tak-sampai-sejam-selepas-samun-wanita	BHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

22/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
4	68 PATI DICEKUP DI TERMINAL BAS KOTA BHARU	
	https://www.kosmo.com.my/2023/06/21/68-pati-dicekup-di-terminal-bas-kota-bharu/	KOSMO.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/979924/68-pati-ditahan-sebaik-masuk-malaysia	HMETRO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/264582/berita/semasa/sindiket-tumpas-68-pati-ditahan-di-terminal-bas-kota-bahru	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	HANYA 3000 WANITA CARUM PERKESO SURI RUMAH DI SELANGOR	
	https://www.kosmo.com.my/2023/06/21/hanya-3000-wanita-carum-perkeso-suri-rumah-di-selangor/	KOSMO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/264614/edisi/selangor-kl/hanya-3000-wanita-di-selangor-carum-skssr	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/hanya-3000-wanita-carum-skssr-di-selangor/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	CABUL WANITA DI PASAR MALAM, LELAKI WARGA ASING DITAHAN	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/cabul-wanita-di-pasar-malam-lelaki-warga-asing-ditahan-424937	ASTROAWANI.COM
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/980034/warga-asing-cabul-kehormatan-wanita-di-pasar-malam-dicekup	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	LESTARI VIPERS LATIH PELAPIS MUDA BOLA SEPAK	
	https://www.utusan.com.my/gaya/2023/06/lestari-vipers-latih-pelapis-muda-bola-sepak/	UTUSAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

22/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
8	BAPA ROGOL ANAK KANDUNG DIJEL 30 TAHUN, ENAM SEBATAN	
	https://www.sinarharian.com.my/article/264542/berita/semasa/bapa-rogol-anak-kandung-dijel-30-tahun-enam-sebatan	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bapa-rogol-anak-kandung-dipenjara-30-tahun-enam-sebatan-424856	ASTROAWANI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/264542/berita/semasa/bapa-rogol-anak-kandung-dijel-30-tahun-enam-sebatan	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	RABUN JAUH CACATKAN PRESTASI AKADEMIK KANAK-KANAK	
	https://www.utusan.com.my/gaya/2023/06/rabun-jauh-cacatkan-prestasi-akademik-kanak-kanak/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.melaysiakini.com/rabun-jauh-cacatkan-prestasi-akademik-kanak-kanak-94215.html	MELAYSIKINI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
10	WANITA MUDA RUGI RM28,600 TERPEDAYA PANGGILAN TELEFON SCAM	
	https://sarawakvoice.com/wanita-muda-rugi-rm28600-terpedaya-panggilan-telefon-scam/	SARAWAKVOICE.COM
	Diperdaya panggilan dari 'Pos Laju', wanita rugi RM28,600	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	PASCA PAU 2023: SATU RESOLUSI PELAN EKONOMI MELAYU YANG MENYELURUH	
	https://umno-online.my/2023/06/21/pasca-pau-2023-satu-resolusi-pelan-ekonomi-melayu-yang-menyeluruh-ali-syariat/	UMNO-ONLINE.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

22/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
12	KANAK-KANAK PEREMPUAN WARGA MYANMAR DIEKSPLOITASI DISELAMATKAN JABATAN IMIGRESEN	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/kanak-kanak-perempuan-warga-myanmar-dieksplotasi-diselamatkan-jabatan-imigresen/	UTUSAN.COM.MY
	https://wartaoriental.com/2023/06/21/kanak-kanak-perempuan-warga-myanmar-dieksplotasi-diselamatkan-jabatan-imigresen/	WARTAORIENTAL.COM
	https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-warga-myanmar-diselamatkan-jabatan-imigresen/	BULETINTV3.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	TAK MUSTAHIL 1 KAD MYPR 'DIKONGSI' 10 INDIVIDU	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/tak-mustahil-1-kad-mypr-dikongsi-10-individu/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.melaysiakini.com/tak-mustahil-1-kad-mypr-dikongsi-10-individu-94199.html	MELAYSIAKINI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
14	GURU MUZIK SAMBILAN MENGAKU TIDAK BERSALAH SEBABKAN KEMATIAN WANITA	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1117175/guru-muzik-sambilan-mengaku-tak-bersalah-sebabkan-kematian-wanita	BHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/979865/guru-sambilan-didakwa-pandu-berbahaya-sebabkan-kematian-wanita	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	BAPA RAYU SUMBANGAN PEMBEDAHAN ANAK TULANG BENGKOK	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/pesakit-kanser-tabah-jaga-suami-anak-oku/	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

22/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
16	BUDAK 12 TAHUN DITERAJANG BAPA TIRI KERANA TAYAR	
	https://www.kosmo.com.my/2023/06/21/budak-12-tahun-diterajang-bapa-tiri-kerana-tayar/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
17	DUA PUSAT HIBURAN GUNA PINTU RAHSIA TAWAR KHIDMAT SEKS WANITA WARGA ASING	
	https://malaysiagazette.com/2023/06/21/dua-pusat-hiburan-guna-pintu-rahsia-tawar-khidmat-seks-wanita-warga-asing/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
18	HIASI PERKARANGAN RUMAH GUNA BARANGAN TERPAKAI	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/hiasi-pekarangan-rumah-guna-barangan-terpakai/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
19	MAAFKAN ABAH BUAT JIWA KAMI TENTERAM	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/06/979871/maafkan-abah-buat-jiwa-kami-tenteram	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
20	BUNTU FIKIR MASA DEPAN, ISTERI HAWARI SEDIA TERIMA TAWARAN KERJA	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1117140/buntu-fikir-masa-depan-isteri-hawari-sedia-terima-tawaran-kerja	BHARIAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

22/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
21	PROGRAM OUTREACH KEMBARA MESRA RAKYAT BANTU ORANG ASLI DAFTAR LAHIR MYKAD	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/program-outreach-kembara-mesra-rakyat-bantu-orang-asli-daftar-lahir-mykad/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
22	WARGA EMAS RUGI LEBIH RM200,00 DIPERDAYA 'PHONE SCAM' MENYAMAR PEGAWAI POLIS	
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/warga-emas-rugi-lebih-rm200-000-diperdaya-phone-scam-menyamar-pegawai-polis-424898	ASTROAWANI.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
23	BIARPUN TAK DAPAT RAI, IBU HAWARI TETAP BANGGA	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/979847/biarpun-tak-dapat-rai-ibu-hawari-tetap-bangga	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
24	ADA APA DENGAN SERAGAM JURURAWAT?	
	https://malaysiagazette.com/2023/06/21/ada-apa-dengan-seragam-jururawat/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
25	IBU BAPA PERLU CEGAH PERKAHWINAN BAWAH UMUR	
	https://www.utusan.com.my/luar-negara/2023/06/ibu-bapa-perlu-cegah-perkahwinan-bawah-umur/	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

22/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
26	POLIS TAHAN 4 PELAJAR DISYAKI PUKUL RAKAN SEKOLAH	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1117290/polis-tahan-4-pelajar-disyaki-pukul-rakan-sekolah	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
27	JURURAWAT SAHKAN BAYI CACAT BILA LAHIR KEADAAN SIHAT	
	https://www.kosmo.com.my/2023/06/21/jururawat-sahkan-bayi-cacat-bila-lahir-keadaan-sihat/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
28	DEWAN NEGARA: SKM KENAL PASTI 30 PERATUS KOPERASI WANITA TIDAK AKTIF	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/06/dewan-negara-skm-kenal-pasti-30-peratus-koperasi-wanita-tidak-aktif/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
29	WARGA EMAS MELECUR, RUMAH DUA TINGKAT TERBAKAR	
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/06/21/warga-emas-melecur-rumah-dua-tingkat-terbakar	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
30	PENGLIBATAN WANITA DALAM KEPIMPINAN NEGARA PERLU DIPERKASA	
	https://malaysiaaktif.my/2023/06/penglibatan-wanita-dalam-kepimpinan-negara-perlu-diperkasa/	MALAYSIAAKTIF.MY



UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my

f t i kpwkm

22/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
31	HONORABLE VISIT OF THE DIRECTOR OF THE STATE BUDGET, MINISTRY OF FINANCE TO THE CHIEF SECRETARY OF KPWK	
	https://www.facebook.com/kpwkm/posts/pfbid0VR9pzJy6pCFHyAZYRBgeFyKYp2fFU1W2oRtCQjM3zc4Cye9AndFNQMhr6SbJXtXML	FACEBOOK

BIL	PERKARA	SUMBER
32	TALIAN KASIH: PEKA DAN SALUR MAKLUMAT KOMUNITI BERMASALAH TEKANAN JIWA	
	https://www.facebook.com/watch/?v=2327698254100339	FACEBOOK

BIL	PERKARA	SUMBER
33	PELAJAR CEMERLANG SPM DIPELAWA MOHON PROGRAM KHAS TAJAAN JPA	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1117349/pelajar-cemerlang-spm-dipelawa-mohon-program-khas-tajaan-jpa	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
34	SYARAT KETAT PEMBIAYAAN KURANGKAN MINAT PELAJAR SAMBUNG PENGAJIAN	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/06/1117308/syarat-ketat-pembiayaan-kurangkan-minat-pelajar-sambung-pengajian	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
35	WANITA LEMAS, SEORANG LAGI MASIH HILANG DIBAWA ARUS	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/980067/wanita-lemas-seorang-lagi-masih-hilang-dibawa-arus	HMETRO.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

UKK KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

22/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
36	PENGAJAR SELAM SKUBA WANITA	
	https://www.sinarharian.com.my/article/264654/galeri/pengajar-selam-skuba-wanita	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
37	ANZALNA LANCAR DANA BANTU LUTH JUMPA DOKTOR PAKAR DI UK	
	https://www.bharian.com.my/hiburan/selebri/2023/06/1117393/anzalna-lancar-dana-bantu-luth-jumpa-doktor-pakar-di-uk	BHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
38	'MAAFKAN ABAH BUAT JIWA KAMI TENTERAM'	
	https://www.hmetro.com.my/utama/2023/06/979871/maafkan-abah-buat-jiwa-kami-tenteram	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
39	RAMAI SEBAK, BAPA TUNAI PERMINTAAN ANAK SAKIT KANSER MAHU MANDI KOLAM	
	https://www.kosmo.com.my/2023/06/21/ramai-sebak-bapa-tunai-permintaan-anak-sakit-kanser-mahu-mandi-kolam/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
40	OKU, WARGA EMAS SYUKUR DAPAT BERJIMAT BELI BARANG DAPUR DI JUALAN MURAH	
	https://selangorkini.my/2023/06/oku-warga-emas-syukur-dapat-berjimat-beli-barang-dapur-di-jualan-murah/	SELANGORKINI.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWK

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

22/6/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
41	"SANGGUP HISAP DADAH DEPAN ANAK OKU?" – KAKAK DEDAH DUIT GAJI ASIF SUHAIMI DISALAH GUNA BAPA	
	https://negaramerdeka.com/sanggup-hisap-dadah-depan-anak-oku-kakak-dedah-duit-gaji-asif-suhaimi-disalah-guna-bapa/	NEGARAMERDEKA.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
42	PASAK SEDIA BANYAK PELUANG	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/06/979958/pasak-sedia-banyak-peluang	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
43	WARGA EMAS CARI ADIK-BERADIK BERLAINAN AGAMA TERPISAH SEJAK KECIL	
	https://www.sinarharian.com.my/article/264632/edisi/melaka-ns/warga-emas-cari-adik-beradik-berlainan-agama-terpisah-sejak-kecil	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
44	TINDAKAN PANTAS DUA BERADIK SELAMATKAN NENEK LUMPUH DARI TERBAKAR	
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/06/tindakan-pantas-dua-beradik-selamatkan-nenek-lumpuh-dari-terbakar/	UTUSAN.COM.MY



TAJUK : 'KEMATIAN PELAJAR SEKOLAH DI MANJUNG TIADA KAITAN BULI'

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 22 JUN 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

'Kematian pelajar sekolah di Manjung tiada kaitan buli'

Laporan hospital sahkan mangsa alami darah beku tersumbat pada paru-paru

Oleh Muhamad Lokman Khairi
bhnews@bh.com.my

Manjung: Polis menafikan kemungkinan buli dalam kematian pelajar berusia 15 tahun di Hospital Seri Manjung di sini, Sabtu lalu.

Ketua Polis Daerah Manjung, Asisten Komisioner Mohamed Nordin Abdullah, berkata sebaliknya laporan oleh pegawai perubatan hospital mengesahkan

punca kematian pelajar itu adalah 'acute massive pulmonary embolism' atau darah beku tersumbat pada paru-paru.

"Kita menolak kemungkinan kematian pelajar berkenaan mempunyai kaitan dengan kes buli.

"Susulan kejadian ini, polis membuka satu kertas siasatan mati mengejut untuk siasatan lanjut dan orang awam dinasihat tidak membuat sebarang spekulasi," katanya ketika dihubungi.

Pengsan di sekolah

Berdasarkan maklumat, pelajar Tingkatan Tiga itu dikatakan pengsan ketika kelas subjek Pendidikan Jasmani dan Kesihatan di sekolahnya pada pagi Jumaat lalu, sebelum dihantar ke hospital untuk menerima rawatan.

Mohamed Nordin berkata, pihaknya menerima laporan mengenai kejadian itu jam 4.38 pe-


tang kelmarin.

Siasatan awal, katanya, mendapati pelajar itu hadir ke sekolah Jumaat lalu dalam keadaan tidak sihat kerana mengalami kesakitan di kaki dan berjalan menggunakan tongkat.

"Pihak sekolah menghubungi ibu bapa pelajar kira-kira jam 7.30 pagi Jumaat lalu bagi memaklumkan keadaan itu sebelum mereka memutuskan untuk membawanya pulang ke rumah.

"Berikutan keadaannya masih tidak sihat, pelajar itu dibawa ke Hospital Seri Manjung untuk rawatan di Unit Kecemasan sebelum dipindahkan ke Unit rawatan Rapi (ICU) jam 10.10 malam.

"Bagaimanapun, pada jam 12.06 tengah malam Sabtu, pihak hospital memaklumkan pelajar berkenaan meninggal dunia di bilik ICU Hospital Seri Manjung," katanya melalui kenyataan.



TAJUK : DAFTAR BANTUAN EBELIA RAHMAH BERMULA ISNIN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 22 JUN 2023

M/SURAT : 02

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Belia boleh memanfaatkan kredit RM200 bagi peruncit yang menyediakan perkhidmatan e-dompot. (Foto hiasan)

Daftar bantuan eBelia Rahmah bermula Isnin

Pemohon layak boleh guna tiga penyedia perkhidmatan e-dompot terima kredit RM200

Putrajaya: Belia berumur 18 hingga 20 tahun atau pelajar sepenuh masa di institusi pengajian tinggi (IPT) boleh mula mendaftar untuk menerima kredit RM200 bagi program eBelia Rahmah mulai Isnin, 26 Jun ini jam 8 pagi.

Kementerian Kewangan (MoF) dalam kenyataan semalam berkata, tempoh pendaftaran dan tuntutan eBelia Rahmah mulai 26 Jun hingga 22 Ogos depan.

MoF berkata, belia yang layak boleh mendaftar melalui satu daripada tiga penyedia perkhidmatan e-dompot, iaitu Boost, Setel dan Touch 'n Go eWallet.

"Kredit eBelia Rahmah dan manfaat padanan daripada penyedia perkhidmatan e-dompot berkenaan boleh dibelanjakan secara *offline* hingga 31 Ogos 2023," kata MoF.

MoF berkata, program berkenaan terbuka kepada belia warganegara yang mencapai umur 18 hingga 20 tahun pada 2023 iaitu mereka yang lahir pada 2003

hingga 2005 atau berstatus aktif sebagai pelajar sepenuh masa di IPT dalam negara.

MoF berkata, selain bantuan RM200 dalam bentuk kredit e-tunai daripada kerajaan, penyedia perkhidmatan e-dompot terbabit turut memberikan insentif tambahan dalam bentuk baucar, pulangan tunai atau diskaun mata ganjaran sepanjang tempoh program berkenaan.

"Kredit RM200 ini boleh dimanfaatkan di peruncit atau peniaga yang menerima pembayaran melalui kod QR DuitNow dengan menggunakan salah satu e-dompot terbabit dalam program ini, namun tertakluk kepada transaksi dibenarkan," kata MoF seperti laporan *BERNAMA*.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga Menteri Kewangan ketika membentangkan Belanjawan 2023 Malaysia MADANI di Dewan Rakyat pada 24 Februari lalu menyatakan kerajaan akan memberikan kredit e-tunai berjumlah RM200 kepada dua juta belia berusia 18

hingga 20 tahun, membabitkan peruntukan RM400 juta.

Ringankan beban pelajar

Sementara itu, Presiden Majlis Perundingan Pelajar Kebangsaan (MPPK), Wan Amsyar Hadie Wan Mahadi, berkata bantuan eBelia Rahmah itu sewajarnya dimanfaatkan bagi meringankan beban pelajar dalam hal berkaitan pembelajaran.

"Sebaiknya, elak menghabiskan wang itu untuk perkara tidak bermanfaat, termasuk yang hanya menurus kepada gaya kehidupan atau hiburan.


"Sebaliknya, gunakan bantuan ini bagi membeli buku rujukan atau apa sahaja yang boleh membantu kelancaran pelajaran, lebih-lebih lagi sebahagian besar penerima adalah mereka yang baru memasuki pusat pengajian," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Penggunaan bantuan dengan betul, jelasnya, akan memastikan matlamat kerajaan meringankan beban pelajar tercapai.

Gunakan bantuan ini bagi membeli buku rujukan atau apa sahaja yang boleh membantu kelancaran pelajaran

Wan Amsyar Hadie Wan Mahadi,
Presiden MPPK





TAJUK : HAMPİR 5 JUTA PESAKIT MANFAATKAN KHIDMAT IJN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 22 JUN 2023

M/SURAT : 08

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Hampir 5 juta pesakit manfaatkan khidmat IJN

Johor Bahru: Hampir lima juta pesakit menerima rawatan di Institut Jantung Negara (IJN) sejak pusat perubatan itu ditubuhkan pada 1992, menurut Ketua Pegawai Eksekutif IJN Datuk Dr Aizai Azan Abdul Rahim.

Beliau berkata, IJN tidak berhadapan dengan masalah bagi menampung kapasiti tersebut berikutan mempunyai kakitangan serta kelengkapan fasiliti yang mencukupi.

"IJN mempunyai sembilan dewan bedah khusus untuk merawat pesakit jantung, dengan (dalam tempoh) satu hari kita boleh buat sebanyak 18 pembedahan.

"Secara purata, IJN ada kira-kira 2,400 kakitangan tetapi tenaga kerja paling besar dan menjadi tulang belakang adalah jururawat.

"Bagi doktor di semua jabatan pula, keseluruhan ada 170 orang, sebab itu kita mampu beroperasi," katanya kepada pemberita ketika diminta mengulas mengenai kemampuan kapasiti IJN da-



Rosli (tiga dari kanan) dan Dr Aizai Azan (kiri) melawat ruang pameran selepas majlis Menandatangani MoU dan MoA antara UTM dengan IJN di UTM Skudai, semalam. (Foto BERNAMA)

lam merawat jumlah pesakit.

Terdahulu, beliau menghadiri majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian

(MoA) antara Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan IJN, di sini, hari ini, yang turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTM Prof Dr

Rosli Md Illias.

Dr Aizai Azan berkata, menerusi MoU dan MoA bersama UTM, pihaknya menerusi Yayasan IJN berpeluang menjalankan prog-


ram kolaborasi penyelidikan dan inovasi bersama pakar perubatannya serta penyelidik UTM di peringkat yang lebih tinggi.

Sementara itu, Rosli berkata, kerjasama UTM dan IJN yang terjalin sejak 2013, diteruskan selama lima tahun lagi menerusi pemeteraian MoU hari ini.

Beliau berkata, sepanjang kerjasama itu, kedua-dua pihak sudah menjalankan pelbagai program dan penyelidikan serta menubuhkan Pusat Kejuruteraan Kardiovaskular IJN-UTM pada 2013.

"Penyelidikan dalam bidang kardiovaskular merangkumi pembangunan alat peranti jantung, membran dan graf vaskular atau jantung, sistem rehabilitasi dan telemetri, sistem pengurusan data kesihatan serta sistem telerobotik," katanya.

Beliau pada masa sama berkata, UTM bersedia untuk terus bekerjasama dengan IJN terutama dalam bidang kecerdasan buatan (AI) dan robotik.



TAJUK : ISTERI HAWARI BUNTU FIKIR MASA DEPAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 22 JUN 2023

M/SURAT : 19

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM



Che Tom bersama menantu, Saffiyah dan cucu, Hana Sakeena. (Foto Danial Saad/BH)

Isteri Hawari buntu fikir masa depan

Tasek Gelugor: Kehilangan peserta Malaysia Everest (ME) 2023 Muhammad Hawari Hashim, 33, sejak 19 Mei lalu merentap perasaan isterinya, Saffiyah Tang Xie Lie, 34, dan kini buntu memikirkan masa depan apatah lagi dia tidak bekerja.

Saffiyah yang juga orang kurang upaya (OKU) pendengaran seperti suaminya, sudah lama tidak bekerja selepas melahirkan anak sulungnya yang kini berusia empat tahun.

Menurutnya, pekerjaan terakhirnya ialah sebagai guru di sebuah sekolah agama swasta di Kulim.

Melalui temu bual menerusi catatan pada buku nota, Saffiyah memaklumkan dia bersedia menerima apa jua tawaran kerja sekiranya diberikan peluang oleh mana-mana majikan.

"Saya akan terima (tawaran kerja) demi anak-anak dan menantu (ibu Hawari) untuk kelangsungan hidup kami sekeluarga.

"Dulu, saya ada memohon kerja dengan agensi kerajaan tetapi saya tahu ia amat sukar. Saya mempunyai kemahiran dalam komputer dan tahu kerja-kerja berkaitan pentadbiran serta perkeranian tetapi untuk menjawab telefon, saya tidak boleh kerana kekurangan yang ada pada diri saya," katanya ketika ditemui di rumah mentuanya di Kampung Permatang Kerai Besar, di sini, kelmarin.

Saffiyah berkata, suaminya membeli rumah pertama mereka tidak jauh dari kediaman mentuanya, namun tidak tahu status bayaran kediaman berkenaan susulan kehilangan Muhammad Hawari.

"Rumah itu belum lagi kami duduk namun bayarannya sudah dibuat melalui potongan gaji suami tetapi sekarang saya tidak tahu statusnya.

"Selain itu, suami juga ada buat pinjaman peribadi mengubah suai rumah. Apabila saya fikir mengenai hal ini, ia buat saya bertambah buntu kerana sekarang tidak bekerja.

"Anak sulung saya pula tahun depan akan ke sekolah, sudah tentu memerlukan perbelanjaan dari segi bayaran yuran dan sebagainya," katanya.

Sementara itu, ibu mentuanya, Che Tom Hassan, 64, berkata dia berharap ada pihak sudi menawarkan pekerjaan untuk menantunya.

"Apabila dia (Saffiyah) bekerja dia akan sibukkan diri dan pada masa sama, segala masalah difikirkan selama ini perlahan-lahan akan hilang.

"Sudahlah kerap menangis kerana kehilangan Hawari, kemudian ditambah pula selalu fikir mengenai masa depan sebab itu maccik hendak dia bekerja supaya boleh lihat dunia luar serta dapat mengurangkan sedikit kekusutan fikirannya," katanya.



TAJUK : NGO GESA LEBIH RAMAI SERTAI KERJA SUKARELAWAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 22 JUN 2023

M/SURAT : 21

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

NGO gesa lebih ramai sertai kerja sukarelawan

Kuala Lumpur: Peka dengan nasib insan kurang bernasib baik, sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menggesa lebih ramai masyarakat menyertai kerja sukarelawan bagi mencari dan menyampaikan bakul makanan kepada golongan sasaran untuk meringankan beban mereka.

Pengasas Kelab Kebajikan ao Ping Wang, Brandon Ooi, berkata pihaknya mengambil pendekatan mengunjungi golongan sasaran dari rumah ke rumah di seluruh negara bagi menyalurkan bakul makanan dengan memberi tumpuan kepada pertubuhan kebajikan anak yatim, terencat akal, orang tua, keluarga dan pelajar miskin.

Katanya, pihaknya melancarkan program *Food Pantry* yang kini sudah membantu hampir 500 golongan sasaran sejak dimulakan awal tahun ini.

"Lebih ramai golongan sasaran dibantu, lebih baik.

Jadi, saya menggalakkan lebih ramai golongan sukarelawan untuk menyertai kelab kebajikan ini bagi memudahkan sumbangan dijalankan.

"Dengan adanya anggota sukarelawan dapat bersama-sama menyertai aktiviti sukarelawan dan membantu masyarakat se-



Brandon menyampaikan bantuan kepada golongan sasaran di Kepala Batas, Pulau Pinang, baru-baru ini.

tempat yang kurang berpuasa atau kurang bernasib baik.

"Pemberian bakul makanan setiap satunya bernilai RM100 hingga RM150 ini mengandungi makanan dan barangan keperluan asas yang diberikan kepada masyarakat di sekitar luar bandar dan bandar," katanya.

Pada masa sama, Brandon berkata, prihatin dengan mereka

yang memerlukan, bantuan khas ini diberikan tanpa mengira kaum yang dikenal pasti melalui saringan permohonan daripada kalangan masyarakat setempat.

Terap nilai baik

Beliau berkata, besar hasrat mereka supaya pemberian bantuan bakul makanan dan keperluan asas harian ini dapat memberi

sedikit kelegaan serta membantu dalam menghayati keberkatan, kepentingan, tuntutan dan cabaran beramal sepanjang kehidupan harian.


"Kita juga mahu menerapkan nilai baik kepada setiap sukarelawan dan amat mengalu-alukan orang ramai untuk menyertai sebagai sukarelawan, terutama dalam kalangan profesional.

"Kami bersedia melakukan kerjasama terutama membabitkan khidmat masyarakat dan mengharapkan kerjasama orang ramai dalam urusan bantuan. Ini kerana pihak kami amat memerlukan sumbangan dalam bentuk barangan kewangan dari pelbagai pihak untuk meneruskan gerak kerja," katanya.

Beliau berharap usaha kelab kebajikan ini berupaya menjadi pemangkin kepada ahli korporat dan organisasi lain untuk turut sama menyantuni mereka yang tidak bernasib baik dalam mengharungi kehidupan dan ekonomi yang semakin mencabar.

Katanya, sehingga kini bantuan disalurkan kepada golongan sasaran ibu kota selain di Selangor, Perak, Pulau Pinang dan Sabah antaranya kepada Pertubuhan Kebajikan Rasa Sayang serta Pertubuhan Kebajikan Rumah Impian Orang Kurang Upaya (OKU) Sentul.

"Kita juga sudah menyalurkan sumbangan kepada Sunshine Disability Welfare Home Cheras, Pertubuhan Pusat Penjagaan Warga Emas Hati Mesra Jalan Ampang dan Pertubuhan Kebajikan Pusat Kebajikan Orang-Orang Tua Impian," katanya.



TAJUK : PEMANDU BAS DAPAT TANGAN PALSU SUMBANGAN PERKESO

HARI : KHAMIS

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 22 JUN 2023

M/SURAT : 16

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Nora (kanan) melawat Mohamad Amiruddin yang putus tangan kanan akibat kemalangan jalan raya pada 15 April lalu.

(Foto ihsan PERKESO)

Pemandu bas dapat tangan palsu sumbangan PERKESO

Kota Bharu: Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Kelantan akan membekalkan tangan palsu kepada pemandu bas yang putus tangan kanan akibat nahas kemalangan jalan raya pada 15 April lalu menerusi Program Return to Work.

Pengarahnya, Nora Yacob, berkata Mohamad Amiruddin Azhar, 27, yang juga pemandu bas henti-henti Mutiara Rentas Desa (MRD) dirujuk untuk menjalani fisioterapi dan terapi cara kerja secara lawatan ke rumah panel fisioterapi PERKESO bagi menguatkan kembali fungsi

sebelum tangan palsu dibekalkan.

“PERKESO mengadakan perbincangan awal dengan Konsortium E Mutiara Berhad mengenai skop tugas sesuai menerusi kaedah transisi pekerjaan selepas Amiruddin pulih dan mampu bekerja kelak.

“Amiruddin layak mendapat faedah pampasan dan dibantu dalam aspek Pengurusan Hilang Upaya menerusi Program Return to Work dengan pembekalan tangan palsu.

“Beliau akan dibantu membuat tuntutan Faedah Hilang Upaya Kekal

selepas tamat tempoh cuti sakit,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Terdahulu PERKESO menyerahkan baucar bayaran Faedah Hilang Upaya Sementara sebanyak RM3,608.89 kepada Amiruddin.

Beliau terbabit dalam kemalangan enam kenderaan di Kilometer 37 Jalan Kota Bharu-Kuala Terengganu (Persimpangan Lampu Isyarat Bypass Sri Aman), di Pasir Puteh.

Sementara itu, Amiruddin berterima kasih kepada PERKESO dan majikan yang prihatin dengan nasib yang menimpa dirinya.



TAJUK : 'HARAP ADA MAJIKAN SUDI AMBIL BEKERJA'

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 22 JUN 2023

M/SURAT : 04

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

Oleh Nur Izzati
Mohamad
am@hmetro.com.my

Tasek Gelugor

Kehilangan peserta Malaysia Everest (ME) 2023 Muhammad Hawari Hashim, 33, sejak 19 Mei lalu merentap perasaan isterinya, Saffiyah Tang Xie Lie, 34, yang buntu memikirkan masa depan keluarganya.

Saffiyah yang juga orang kurang upaya (OKU) pendengaran seperti suaminya sudah lama tidak bekerja selepas melahirkan anak sulungnya yang kini berusia empat tahun.

Melalui temu bual menerusi catatan di buku nota, Saffiyah bersedia menerima apa juga tawaran kerja sekiranya diberikan peluang oleh mana-mana majikan.

"Saya akan terima (tawaran kerja) demi anak dan mentua (ibu Hawari) untuk kelangsungan hidup kami sekeluarga."

"Dulu, saya ada memohon kerja dengan agensi kerajaan, tetapi saya tahu ia amat sukar. Saya mempunyai kemahiran dalam komputer dan tahu kerja berkaitan pentadbiran serta perkeraan, tetapi untuk menjawab telefon saya tidak boleh kerana kekurangan yang ada pada diri saya," katanya di

RAYUAN ISTERI HAWARI HASHIM

'Harap ada majikan sudi ambil bekerja'



"Saya akan terima (tawaran kerja) demi anak dan mentua (ibu Hawari) untuk kelangsungan hidup kami sekeluarga"

Saffiyah

rumah mentuanya di Kampung Permatang Kerai Besar, di sini, kelmarin.

Jelasnya, suaminya membeli rumah pertama mereka tidak jauh dari kediaman mentua, namun tidak tahu bagaimana status bayaran kediaman berkenaan susulan kehilangan Muhammad Hawari.

"Rumah itu belum kami duduk, namun bayarannya sudah dibuat melalui foto-

ngan gaji suami, tetapi sekarang saya tidak tahu statusnya.

"Selain itu, suami juga buat pinjaman peribadi me-

ngubah suai rumah yang bila saya fikir mengenainya buat saya buntu kerana sekarang tidak bekerja. "Anak sulung saya pula tahun depan akan ke se-

kolah yang sudah tentu memerlukan perbelanjaan dari segi bayaran yuran dan sebagainya," katanya.

Sementara itu, ibu mentuanya, Che Tom Hassan, 64, berkata, dia berharap ada pihak sudi menawarkan pekerjaan untuk menantunya.


"Apabila dia (Saffiyah) bekerja dia akan sibukkan diri dia dan pada masa sama segala ma-

salah difikirkan selama ini perlahan-lahan akan hilang.

"Sudahlah kerap menagnosis kerana kehilangan Hawari kemudian ditambah pula selalu fikir mengenai masa depan dan sebab itu yang mak cik hendak dia bekerja kerana melalui kerja dia boleh lihat dunia luar serta fikirannya dapat kembali kepada asal," katanya.



SAFFIYAH bersama dua anaknya.



TAJUK : 'KAMI MAHU SEKOLAH BAHARU'

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 22 JUN 2023

M/SURAT : 11

TONE : NEUTRAL

SEKTOR : KPWKM

'Kami mahu sekolah baharu'

Gua Musang: Lebih 2,000 penduduk Pos Hendrop dan Pos Tuel berharap Sekolah Kebangsaan (SK) Hendrop yang baharu dapat dibina memandangkan sekolah sedia ada sudah tidak mampu menampung pertambahan bilangan murid.

Malah sekolah terbabit yang menempatkan 285 murid juga dikategorikan sebagai sekolah daif kerana struktur bangunan yang menempatkan kelas dan asrama murid terlalu dekat dan persekitaran sekolah yang sempit.

Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Galas, Mohd Syahbuddin Hashim berkata, sebagai mewakili suara rakyat Orang Asli suku kaum

Temiar itu, beliau sudah memanjangkan permohonan sebuah sekolah baru kepada Kementerian Pendidikan.

"Saya sudah memanjangkan permohonan ini ke mesyuarat pembangunan daerah Gua Musang untuk dibawa ke peringkat negeri dan seterusnya kepada Kementerian Pendidikan.

"Oleh kerana Perdana Menteri menekankan soal sekolah daif, jadi bagi saya SK Hendrop ini sudah tersenarai sebagai salah sebuah sekolah daif yang tidak lagi mampu menampung bilangan pelajar yang banyak selain kawasan sekolah yang kecil atau sempit.

"Jadi baru-baru ini semasa pertemuan dengan Setiausaha

Politik Menteri Pendidikan saya memaklumkan dan menjemput menteri untuk turun melihat sendiri SK Hendrop yang amat kita perlukan sebuah sekolah yang baru," katanya ketika ditemui di sini.

Mohd Syahbuddin berkata, beliau dimaklumkan pejabat tanah Lojing sudah menyediakan tapak untuk pembinaan sekolah baru terbabit.

"Kini hanya menunggu rundingan pelaksanaan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK 12). Jadi begitu besar harapan penduduk di kawasan ini supaya sekolah dapat dibina secepat mungkin," katanya.

Sementara itu, Penduduk




MURID di SK Hendrop di Pos Hendrop. - Gambar NSTP/Paya Linda Yahya

Kampung Zaiton Anjang, 37, berharap usaha membina SK Hendrop yang baru dapat dibuat secepat mungkin untuk kesejahteraan murid di

sekolah itu.

"Sememangnya kami perlukan sekolah yang lebih besar dan selesa untuk anak kami di sini. SK Hendrop

sekarang bukan hanya terdapat kelas untuk belajar tetapi juga asrama untuk murid yang tinggal jauh dari sekolah.



TAJUK : 200 MANGSA DESAK SSM BUAT SIASATAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 22 JUN 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

200 mangsa desak SSM buat siasatan

Kuala Lumpur: Kira-kira 200 mangsa penipuan skim pelaburan yang kecewa selepas tiada tindakan diambil pihak berkuasa ke atas syarikat pelaburan, sekali lagi tampil ke Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mendesak supaya siasatan dilakukan.

Kumpulan yang dibawa oleh Pertubuhan Kemanusiaan Malaysia (MHO) itu mahu siasatan dijalankan mengikut Akta Skim Kepentingan 2016 (Akta 778) bagi membolehkan syarikat berkenaan dikenakan tindakan undang-undang.

Pemandu e-hailing, Osman Asri, 57, mendakwa mengalami kerugian RM20,000 selepas melabur ke dalam sebuah syarikat pelaburan yang diperkenalkan oleh rakannya pada 2021.

Menurutnya, rakan yang juga ejen syarikat pelaburan itu meyakinkan dia mengenai pelaburan berkonsep boleh tebus Islamik.

"Ketika itu, saya baru dapat wang persaraan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan saya melabur sebahagian daripadanya untuk menambah pendapatan bulanan.

"Saya sempat menerima pulangan keuntungan bulanan RM500 selama setahun. Selepas kontrak pelaburan tamat, saya minta untuk tebus semula dan tidak mahu menyambung kontrak.

"Syarikat dakwa sudah tebus semula pelaburan saya tetapi mereka tidak pulangkan wang pelaburan itu sehingga kini.

"Apabila saya hubungi syarikat, pelbagai alasan di-

berikan termasuk meminta saya bersabar," katanya ditemui di Menara SSM di sini, semalam.

Seorang lagi mangsa yang enggan dikenali berkata, dia dan anak yang juga atlet negara kerugian RM150,000 selepas terpedaya dengan ejen syarikat pelaburan berkenaan.


Lelaki berusia 50-an itu mendakwa didatangi ejen syarikat itu yang memperkenalkan diri sebagai kakitangan sebuah institusi perbankan dan menawarkan pelaburan yang memberi keuntungan antara tiga hingga empat peratus sebulan.

"Saya sangka pelaburan itu di institusi perbankan berkenaan tetapi sebenarnya di syarikat pelaburan luar. Tapi disebabkan sudah tandatangan perjanjian, saya teruskan dan sempat menerima pulangan selama tiga bulan.

"Selepas itu, saya tidak lagi menerima pulangan daripada pelaburan sehingga kini dan terpaksa menanggung kerugian," katanya yang berharap SSM menjalankan siasatan lanjut.

Sementara itu, Setiausaha Agung MHO Datuk Hishamuddin Hashim berkata, mangsa pernah dibawa membuat aduan di SSM pada Mac lalu dan hadir semula kali ini bagi menyerahkan pernyataan tambahan mengenai penipuan dilakukan syarikat pelaburan itu.

"Sehingga kini, belum ada sebarang pengesahan dikeluarkan oleh SSM sama ada syarikat pelaburan terbabit berdaftar di bawah Akta 778 atau sebaliknya," katanya.



TAJUK : 200 MANGSA DESAK SSM BUAT SIASATAN

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 22 JUN 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

200 mangsa desak SSM buat siasatan

Kuala Lumpur: Kira-kira 200 mangsa penipuan skim pelaburan yang kecewa selepas tiada tindakan diambil pihak berkuasa ke atas syarikat pelaburan, sekali lagi tampil ke Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) mendesak supaya siasatan dilakukan.

Kumpulan yang dibawa oleh Pertubuhan Kemanusiaan Malaysia (MHO) itu mahu siasatan dijalankan mengikut Akta Skim Kepentingan 2016 (Akta 778) bagi membolehkan syarikat berkenaan dikenakan tindakan undang-undang.

Pemandu e-hailing, Osman Asri, 57, mendakwa mengalami kerugian RM20,000 selepas melabur ke dalam sebuah syarikat pelaburan yang diperkenalkan oleh rakannya pada 2021.

Menurutnya, rakan yang juga ejen syarikat pelaburan itu meyakinkan dia mengenai pelaburan berkonsep boleh tebus Islamik.

"Ketika itu, saya baru dapat wang persaraan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan saya melabur sebahagian daripadanya untuk menambah pendapatan bulanan.

"Saya sempat menerima pulangan keuntungan bulanan RM500 selama setahun. Selepas kontrak pelaburan tamat, saya minta untuk tebus semula dan tidak mahu menyambung kontrak.

"Syarikat dakwa sudah tebus semula pelaburan saya tetapi mereka tidak pulangkan wang pelaburan itu sehingga kini.

"Apabila saya hubungi syarikat, pelbagai alasan di-

berikan termasuk meminta saya bersabar," katanya ditemui di Menara SSM di sini, semalam.

Seorang lagi mangsa yang enggan dikenali berkata, dia dan anak yang juga atlet negara kerugian RM150,000 selepas terpedaya dengan ejen syarikat pelaburan berkenaan.


Lelaki berusia 50-an itu mendakwa didatangi ejen syarikat itu yang memperkenalkan diri sebagai kakitangan sebuah institusi perbankan dan menawarkan pelaburan yang memberi keuntungan antara tiga hingga empat peratus sebulan.

"Saya sangka pelaburan itu di institusi perbankan berkenaan tetapi sebenarnya di syarikat pelaburan luar. Tapi disebabkan sudah tandatangan perjanjian, saya teruskan dan sempat menerima pulangan selama tiga bulan.

"Selepas itu, saya tidak lagi menerima pulangan daripada pelaburan sehingga kini dan terpaksa menanggung kerugian," katanya yang berharap SSM menjalankan siasatan lanjut.

Sementara itu, Setiausaha Agung MHO Datuk Hishamuddin Hashim berkata, mangsa pernah dibawa membuat aduan di SSM pada Mac lalu dan hadir semula kali ini bagi menyerahkan pernyataan tambahan mengenai penipuan dilakukan syarikat pelaburan itu.

"Sehingga kini, belum ada sebarang pengesahan dikeluarkan oleh SSM sama ada syarikat pelaburan terbabit berdaftar di bawah Akta 778 atau sebaliknya," katanya.



TAJUK : GENERASI MUDA PERLU TINGGI INTELEKTUAL, RAJIN MEMBACA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 22 JUN 2023

M/SURAT : 17

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Generasi muda perlu tinggi intelektual, rajin membaca

Kuala Lumpur: Generasi muda hari ini perlu tinggi dengan daya intelektual dan membudayakan amalan membaca bagi melahirkan generasi yang berfikiran kritis serta mampu menilai baik dan buruk sesuatu perkara.

Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail merangkap Ahli Parlimen Bandar Tun Razak berkata, ini juga bagi melahirkan modal insan yang kuat sekali gus memastikan negara terus maju.

"Ingat ya anak-anak, ini

1,000

Bilangan pelajar terima
sumbangan bernilai
RM100,000.

adalah permulaan bagi mereka yang lulus Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2022 dan merupakan kesinambungan pada hidup kita dan teruskan lagi...ini adalah satu tangga namun ia tidak habis di sini.


"Teruslah mencapai ke peringkat tertinggi dan jangan

berhenti apabila sudah cemerlang, cuba dapatkan yang terbaik untuk dunia akhirat," katanya dalam ucapan pada majlis penyampaian sumbangan Murid Cemerlang SPM 2022 dan Bantuan Khas Murid sekolah sekitar Parlimen Bandar Tun Razak di Sekolah Menengah Kebangsaan Orkid Desa di sini, semalam.

Sumbangan itu ditaja Yayasan Bank Rakyat bernilai RM100,000 untuk 1,000 pelajar sekolah membabitkan 14 sekolah sekitar Bandar Tun Razak. - Bernama



WAN Azizah (tengah) pada majlis Sumbangan Murid Cemerlang SPM 2022 dan Bantuan Khas Murid sekolah sekitar Parlimen Bandar Tun Razak di Sekolah Menengah Kebangsaan Orkid Desa, semalam.



TAJUK : KES TIPU PHONE SCAM CECAH RUGI RM5.2J

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 22 JUN 2023

M/SURAT : 08

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Kes tipu Phone Scam cecah rugi RM5.2j

Alor Setar: Kes penipuan membabitkan *Phone Scam* semakin meningkat di negeri ini sehingga menyebabkan kerugian mencecah hampir RM5.2 juta.

Ketua Polis Kedah Datuk Fisol Saleh berkata, ia membabitkan 125 kertas siasatan yang dibuka sejak Januari sehingga Mei lalu.

Beliau berkata, peningkatan itu berbeza berbanding tahun lalu yang hanya membabitkan 100 kertas siasatan dan kerugian sebanyak RM2.2 juta dalam tempoh sama.

“Peningkatan kes sebanyak 25 peratus dan jumlah kerugian dua kali ganda berbanding tahun lalu harus diambil langkah yang lebih efektif dan berkesan untuk menyedarkan dan mendedahkan kepada orang ramai berkaitan modus operandi yang terkini dilakukan oleh sindiket penipuan dan mencegah daripada terus menjadi mangsa penipuan.

“Selain itu, pelbagai program pencegahan jenayah komersial dianjurkan oleh Polis DiRaja Malaysia khususnya Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Kedah bagi membanteras peningkatan jenayah komersial kini.



PENINGKATAN kes *Phone Scam* sebanyak 25 peratus dengan jumlah kerugian dua kali ganda berbanding tahun lalu perlu diambil langkah yang lebih efektif.

“Sepanjang tahun ini, JSJK Kedah mengambil pendekatan mengadakan pelbagai program pencegahan jenayah di daerah sekitar kontinjen Kedah,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dalam pada itu, program Jelajah Kempen Anti Scam JSUK Kedah dengan kerjasama Bank Muamalat Malaysia Berhad dianjurkan semalam sebagai satu langkah membanteras dan mence-

gah jenayah komersial khususnya berkaitan kes penipuan membabitkan perbankan.

Program jelajah ini terdiri 50 motosikal membabitkan penyertaan warga Jabatan Siasatan Kontinjen Kedah yang mana laluan perjalanan bermula dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kedah, Kuala Muda, Kulim, Baling, Kota Setar dan Kubang Pa-

Fisol berkata, tujuan utama program jelajah ini untuk bersama Bahagian Siasatan Jenayah Komersil (BSJK) Daerah di Kontinjen Kedah dalam mengadakan Program Sembang Santai di lokasi yang sudah diatur bersama masyarakat setempat.

Beliau berkata, ia bertujuan berkongsi maklumat atau isu berkaitan kes jenayah komersial di daerah berkenaan dan mengambil peluang untuk mendedahkan kepada penduduk setempat serta langkah pencegahan yang perlu diambil dan dielakkan supaya kes jenayah komersial dapat dikurangkan.

“Sebarang maklumat berkaitan isu terkini jenayah komersil boleh diperoleh melalui aplikasi Facebook Cyber Crime Alert Royal Malaysia Police dan Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Kontinjen Kedah.

“Selain itu, aduan berkaitan kes penipuan juga boleh disalurkan kepada pusat operasi yang menyelaraskan tindak balas pantas terhadap penipuan kewangan dalam talian iaitu Pusat Respons Scam Kebangsaan (NCRC) melalui talian 997,” katanya.



TAJUK : SI GENIT RATU SKUBA

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 22 JUN 2023

M/SURAT : 24&25

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Bernama

Kuala Lumpur

SI GENIT RATU SKUBA

Gadis berketinggian 157sm tak kekok ceburi profesion didominasi lelaki, warga asing

Untuk bergelar pengajar selam skuba bukanlah sesuatu yang mudah kerana seseorang itu perlu mengharungi pelbagai latihan dan ujian mencabar.

Namun, bagi si kecil molek berketinggian 157 sentimeter, Nur Sabrina Mohamad Fuzad, 25, ia bukanlah halangan untuknya menceburi profesion itu yang didominasi lelaki dan warga asing.

Berkongsi pengalamannya, gadis berhijab berasal dari Perak itu berkata, dia menjadi pengajar selam skuba pada 2017 ketika berusia 19 tahun iaitu selepas memperoleh lesen menyelam peringkat *Dive-master*.

"Perjalanan ini tidak dirancang, ia bermula ketika saya menunggu keputusan SPM (Sijil Pelajaran Malaysia), ibu bapa saya tawarkan saya untuk tinggal di Pulau Perhentian bagi mengikuti latihan selam skuba peringkat *Dive-master*," katanya yang kini mengajar di sebuah operator menyelam di Pulau Perhentian.

Katanya, selepas setahun menimba pengalaman sebagai *Dive-master*, dia meneruskan latihan ke peringkat pengajar dengan mengambil kursus pembangunan pengajar (IDC) dan pemeriksaan pengajar (IE) sebelum layak bergelar pengajar selam skuba yang diiktiraf Persatuan Jurulatih Selaman Profesional (Padi).

Ditanya berkaitan pemilihan kerjaya itu yang jarang diceburi golongan hawa, Nur Sabrina berkata, dia meminati bidang itu kerana terinspirasi melihat kebanyakan pengajar selam skuba yang ada di pulau di Malaysia adalah warga asing.

"Pengajar selam skuba ramai orang luar (warga asing), mereka golongan profesional seperti pekerja bank dan jurutera, tapi sanggup berhenti semata-mata untuk tinggal dan kerja di pulau.

"Jadi saya rasa ini peluang saya untuk membuka mata orang ramai terutama wanita Melayu dan yang berhijab bahawa kita mampu m-

mikul kerjaya ini, sekali gus menggalakkan lebih ramai untuk menceburinya," katanya.

Anak sulung daripada tiga beradik itu berkata, melatih pelajar selam skuba sehingga mereka berjaya mendapatkan lesen adalah satu kepuasan dan kegembiraan yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata.

"Ada pelajar yang asalnya fobia, panik dengan kedalaman air dan ada juga yang hampir putus asa, tapi apabila saya berjaya pujuk dan mengatasi ketakutan mereka itu sehingga menamatkan kursus, saya rasa puas dan gembira," katanya.

Sementara itu, ibunya, Noorazizah Yusof berkata, selain Nur Sabrina, beliau dan suami serta dua anaknya yang lain turut memiliki lesen selam skuba serta aktif menyelam di beberapa pulau seperti Pulau Perhentian, Sipadan, Phuket, Gili Asahan dan Maldives.

"Dulunya, setiap kali cuti perkolahan, kami akan bawa anak-anak bercuti ke pulau dan secara tidak langsung, pada 2013, kami ambil lesen permulaan selam skuba di Pulau Perhentian selepas tertarik dan timbul minat ingin mencuba aktiviti itu.

"Tidak disangka, dengan hanya suka-suka, kini ia menjadi hobi kami sekeluarga dan akan melakukan selaman bersama setiap kali bercuti di pulau sehingga ke hari ini," katanya.

Suri rumah itu berkata, beliau bangga dengan pencapaian Nur Sabrina yang menjadikan jurulatih selam skuba sebagai kerjayanya.

"Kami akan sentiasa menyokong

apa yang Nur Sabrina buat kerana itu minatnya...walaupun masih berhijab dan perlu menjaga batas sebagai seorang Muslimah, tapi masih mampu melakukan tugas yang mencabar," katanya.

“Saya rasa ini peluang saya untuk membuka mata orang ramai”
Nur Sabrina


NUR Sabrina kini menaburkan khidmatnya di Pulau Perhentian.

NUR Sabrina (kanan) bersama keluarganya.







TAJUK : SINDIKET JANJI PEKERJAAN TETAP!

HARI : KHAMIS

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 22 JUN 2023

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM



68 PATI RUGI RM7,000 SEORANG

Sindiket janji pekerjaan tetap!

Oleh Raja Noraina Raja
Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Modal habis, apa pun tak dapat. Begitulah nasib 68 pendatang asing tanpa izin (Pati) yang kerugian antara RM6,000 hingga RM7,000 seorang apabila ditahan di Terminal Bas Kota Bharu, Kelantan, 14 Jun lalu sejeurus diseludup masuk ke negara ini.

Terdahulu, sindiket mengenakan bayaran terabit selain menjanjikan mereka pekerjaan tetap sebelum dibawa ke terminal bas berkenaan.

Bagaimanapun, menurut Ketua Pengarah Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Datuk Ruslin Jusoh, hasil siasatan serta risikan dua bulan dijalankan Bahagian Perisikan dan Operasi Khas Ibu Pejabat JIM Putrajaya dan JIM Kelantan, kegiatan sindiket terabit berjaya ditumpaskan.

"Pada Operasi Gelombang 3 (Op Gelombang 3) dijalankan jam 3.30 pagi itu, JIM menahan 68 warga asing berusia 10 hingga 62 tahun di Terminal Bas Kota Bharu, sejeurus mereka dibawa masuk dari negara jiran.

"Operasi ini susulan kejayaan Op Gelombang 2 yang dijalankan pada Mac lalu."



ANTARA Pati yang ditahan di Terminal Bas Kota Bharu, Kelantan, 14 Jun lalu.



Kami turut menahan tiga lelaki tempatan yang berperanan sebagai transporter bagi sindiket terabit"

Ruslin

katanya semalam.

Menurut beliau, daripada 68 yang ditahan, 24 adalah wanita manakala seorang lagi kanak-kanak.

Pecahannya membabitkan 26 warga India, Myanmar (21), Indonesia (10), Vietnam (6), Bangladesh (3) dan dua dari Pakistan.


"Kami turut menahan tiga lelaki tempatan yang berperanan sebagai transporter bagi sindiket terabit.

"Transporter ini mendakwa menerima upah antara RM150 hingga RM250 bagi setiap warga asing yang dibawa dari sempadan ke terminal bas berkenaan.

"Tiga kenderaan bernilai RM50,000 yang digunakan membawa warga asing turut disita," katanya.

Kes disiasat mengikut Akta Imigresen 1959/63 serta Akta Pasport 1966.

Tiga lelaki tempatan pula direman enam hari bagi membantu siasatan mengikut Akta Anti Pamerdagangan Orang dan Penyeludupan Migran (Atipsom) 2007.



